

Subjek antirasuah di universiti bantu lahir insan berintegriti

Pada 2017, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mencadangkan institusi pengajian tinggi (IPT) menambah subjek antirasuah kepada pelajar untuk memberi sokongan kepada kempen kerajaan dalam membanteras jenayah itu di negara ini.

Tiga tahun kemudian, iaitu pada 22 Mei tahun lalu, Senat Universiti Kuala Lumpur (UniKL) mengorak langkah dengan bersetuju menambah subjek baharu di bawah Mata Pelajaran Umum (MPU) dengan nama Integriti & Anti-Rasuah sebagai sokongan kepada Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023.

Bermula semester ambilan September 2020, subjek ini ditawarkan kepada semua pelajar diploma dan sarjana muda.

Paling menarik, silibus subjek ini disusun SPRM sendiri, sekali gus membuktikan suruhanjaya terbabit sangat mengambil berat terhadap impak kandungan mata pelajaran berkenaan.

Oleh itu, keberkesanan subjek ini dapat dipercayai, selebihnya ia dimantapkan oleh aspek penyampaian pensyarah dan kerja kerja kursus pelajar.

Subjek ini diajarkan di UniKL sepanjang 14 minggu tempoh pengajian dengan tajuk menarik. Ini termasuk konsep integriti dan rasuah yang sangat penting dalam subjek ini.

Integriti ialah sifat amanah dan jujur dalam bertindak sedangkan rasuah sebaliknya. Orang berintegriti tidak akan melakukan rasuah dan begitu juga sebaliknya.

Pelajar juga akan diperkenalkan de-

ngan peranan SPRM dalam mencegah rasuah. Jika pembanteras rasuah ingin dijayakan, semua masyarakat termasuk pelajar perlu terlibat mengambil bahagian.

Dengan mengetahui fungsi suruhanjaya itu, pelajar diharap mendapat kesedaran dan melakukan pendidikan kepada keluarga, jiran dan rakan. Mahasiswa mesti menjadi contoh dalam menjayakan agenda negara ini dengan menjadikan dirinya sebagai insan berintegriti dan mensosialisasikan program itu dalam masyarakat.

Pelajar juga akan didedahkan dengan kesalahan rasuah berdasarkan Akta SPRM 2009, sekali gus memberi pendedahan kepada sikap, perilaku dan amalan termasuk kategori rasuah. Dengan mengetahui secara terperinci, pelajar diharap lebih berhati-hati dalam perbuatan mereka.

Antara topik menarik juga ialah pun-

ca dan kesan rasuah. Punca utama rasuah pasti kerana tiada integriti yang turut disebabkan iman yang lemah.

Abu Hurairah RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: "Ihsan adalah engkau menyembah Allah seolah-olah kamu melihat-Nya, jika kamu tidak dapat melihatnya, maka sesungguhnya dia sedang melihat kamu."

Orang tidak memiliki ihsan, akan berbuat sesuka hati tanpa berasa ada yang mengawasi. Padahal Allah SWT selalu melihatnya di mana sahaja. Individu itu sudah gelap hati sehingga tidak dapat membezakan amal baik dengan buruk atau tahu ia perbuatan keji, tetapi sengaja melakukannya kerana tiada integriti.

Punca rasuah lain ialah tamak, walaupun mungkin sudah memiliki harta berlimpah. Disebabkan berasa kurang, individu itu dapat melakukan perbuatan hina. Jadi, tamak tiada kaitan de-

ngan kaya atau miskin.

Malah, orang miskin jika berasa cukup, tidak akan melakukan rasuah. Sebaliknya, orang kaya yang berasa tidak cukup akan terus mengumpulkan harta sampai meninggal dunia. Jadi, tamak ialah masalah mentaliti.

Kesan rasuah sangat besar kepada individu, masyarakat dan negara. Moral individu terbabit akan rosak. Satu individu rosak moralnya, akan mempengaruhi moral orang di sekitarnya.

Bertambah banyak individu melakukan rasuah, ia akan menambah kerosakan dalam masyarakat dan negara akan diisi orang tidak mempunyai integriti.

Impak masa akan datang, negara akan hancur dan merosot. Seperti dikatakan Ibnu Khaldun, sesebuah tamadun akan mengalami kemerosotan apabila masyarakatnya tidak mengamalkan nilai murni seperti melakukan rasuah, kezaliman dan pembohongan. Sebaliknya tamadun akan maju jika masyarakatnya mempunyai nilai budi baik.

Jadi jangan mengambil mudah terhadap rasuah kerana ia akan menghancurkan kehidupan masyarakat dan negara. Apa dilakukan UniKL dapat menyediakan generasi penerus bangsa bermoral tinggi pada masa hadapan, sekali gus bersifat proaktif membantu bangsa.

Hasan Jali,
Universiti Kuala Lumpur-Malaysian Institute of Information Technology (UniKL MIIT)

